

PERSILAT ANJUR TIGA KEJOHANAN/ Jemputan antarabangsa

Surinam tuan rumah

Oleh
**ONIE
MORAZA**

B. Haran (M)
28 MAR 1989



■ AZIZ DERAMAN

PERSEKUTUAN Silat Antarabangsa (Persilat) akan menganjurkan tiga kejohanan silat olahraga di tiga negara sepanjang tahun depan, demikian kata Timbalan Presiden Persilat, Aziz Deraman.

Kejohanan pertama ialah Kejuaraan Silat Sedunia di Jakarta, pada awal tahun, 1990.

Bercakap kepada pemberita di Ipoh selepas merasmikan Mesyuarat Agung Majlis Silat Negeri Perak, petang kelmarin, beliau berkata Surinam dipilih sebagai tuan rumah kepada Jemputan Silat Antarabangsa yang dijadualkan pada Ogos.

Katanya, negara itu memohon untuk mengendalikannya sebagai sempena Perayaan 100 Tahun Orang-Orang Jawa dan Asia Tenggara Mendiami Surinam.

Menurutnya, Kuala Lumpur pula diberi penghormatan menjadi tuan rumah untuk Kejohanan Silat Terbuka Antara Badan-Badan Gabungan Persilat pada awal Disember.

Beliau berkata, Malaysia amat bertuah kerana kejohanan itu diadakan sempena Tahun Melawat Malaysia dan ia secara langsung dapat menarik lebih ramai pelancong mengunjungi negara ini.

Strategi

Sementara itu, Badan Silat Eropah akan mengadakan persidangan pertamanya, di Aachen, Jerman Barat pada Sabtu dan Ahad ini.

Katanya, persidangan itu bertujuan menetapkan beberapa garis panduan bagi menyelaraskan kegiatan dan strategi demi

pembangunan silat di Eropah.

"Persidangan itu juga akan membincangkan kemungkinan membentuk Suruhanjaya Silat Eropah," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sudah menghantar surat kepada pihak penganjur Sukan Asia Beijing tahun depan, meminta silat olahraga diterima sebagai acara pertunjukan, pada sukan itu.

Aziz berkata, acara pertunjukan silat olahraga mungkin disenaraikan dalam Sukan Olimpik Barcelona, Sepanyol pada 1992.

"Persekutuan Silat Sepanyol sedang berusaha memujuk beberapa negara supaya menyokong cadangannya agar acara silat olahraga dimasukkan dalam temasya sukan antarabangsa itu," katanya.